

21 JAN 2003

Sabah-Penggiliran (Fokus Berita)/I

MENGGILIRKAN ATAU TIDAK MENGGILIRKAN, ITULAH PERSOALANNYA

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Sekiranya Shakespeare adalah anak kelahiran Sabah, menulis drama pentas mengenai rumitnya politik Sabah, ketika itu Hamlet -- watak protagonis dalam drama itu dengan nama yang sama -- mungkin menuturkan ungkapannya yang terkenal sebegini, "untuk menggilirkan atau tidak menggilirkan, itulah persoalannya".

Ungkapan asal Hamlet dalam satu daripada babak awal drama itu, adalah seperti berikut "to be, or not to be, that is the question" (untuk jadi atau tidak jadi, itulah persoalannya).

Wujud persoalan yang lebih besar dalam ungkapan Hamlet itu apabila plot dan babakannya semakin berkembang, diselang-seli dengan pelbagai dilema.

Namun, mari kita lupakan Hamlet, dan kita lihat pula politik Sabah; adakah pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) memutuskan untuk meneruskan atau tidak meneruskan sistem penggiliran, itulah persoalannya.

Pada ketika ini masih tiada jawapan muktamad, walaupun Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ada memberikan sedikit penjelasan mengenai isu itu dengan menyatakan bahawa sistem itu akan kekal sehingga semua pihak berjaya mengemukakan sistem perkongsian kuasa yang lebih baik.

"Jika kita mahu menukar sistem itu, kita perlu kemukakan cadangan baru dan dapatkan pandangan daripada semua pihak yang terlibat. Kita perlu bincangkannya secara mendalam sebelum membuat perubahan...sistem baru itu juga, perlu lebih baik daripada yang sedia ada," Abdullah dipetik sebagai berkata.

Sistem unik itu diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis pemimpin bersama rakyat di Beaufort, 100km dari sini, ketika berkempen bagi pilihan raya negeri Sabah 1994.

Ia bagi memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin dari tiga masyarakat utama, Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- untuk bergilir menerajui kerajaan negeri dengan masing-masing bagi tempoh dua penggal.

Sistem itu bagaimana telah diubahsuai dua tahun lepas apabila Ketua Menteri sekarang Datuk Chong Kah Kiat dilantik ke jawatan itu.

Di bawah format baru itu, pemimpin dari Umno diberikan tempoh dua penggal bagi setiap penggiliran berbanding hanya satu penggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Di bawah sistem sekarang, Chong yang mewakili masyarakat Cina, akan menyerahkan pucuk pimpinan kepada pemimpin dari Umno pada Mac tahun ini selepas tempoh dua penggalnya tamat.

Sekurang-kurangnya begitulah keadaannya buat masa ini, kecuali berlaku sesuatu yang tidak diduga.

Disebalik sistem yang amat jelas itu -- iaitu jawatan itu perlu digilirkan selepas penggal masing-masing tamat -- bagaimanapun, setiap kali keraguan akan timbul iaitu sama ada sistem itu akan diteruskan.

Terdapat pelbagai pendapat, dengan Umno dan Parti Bersatu Sabah (PBS), berdasarkan pendirian mereka di masa lepas, dilihat berada di pihak yang sama iaitu lebih suka jika sistem yang wujud selama sembilan tahun itu dimansuhkan, yang setakat ini telah menyaksikan pelantikan enam ketua Menteri.

Beberapa pemimpin pula berpendapat sistem itu perlu disemak lanjut atau diperkemas bagi disesuaikan dengan senario politik semasa.

Parti-parti komponen lain mendesak agar sistem itu diteruskan, dengan itu mewujudkan dilema di negeri yang sedang berusaha mencapai apa yang

dikatakan sebagai kestabilan politik.

"Dilema ala Shakespeare" itu berlaku bukan kerana tiada keputusan telah dibuat di masa lalu.

Malahan keputusan itu telah dilaksanakan beberapa kali -- bahawa sistem itu akan diteruskan, dan itulah hakikatnya.

"Sebab utama kenapa format baru itu diperkenalkan dengan sendirinya telah menunjukkan bahawa keputusan mengenai isu itu sebenarnya telah dibuat," menurut seorang pemerhati.

Tetapi apa yang menjadikan isu penggiliran itu aneh ialah bahawa keputusan itu, tidak mengira betapa toleransinya, tidak dianggap sebagai muktamad sehingga ia berakhir dengan sistem itu dihapuskan secara muktamad.

Politik Sabah memang terkenal dengan kemampuannya untuk melakukan satu atau dua kejutan, dan isu ini tidak terkecuali -- kemungkinan sistem penggiliran tidak dilaksanakan pada Mac bukanlah sesuatu yang mustahil.

Telah timbul desas-desus bahawa penggal Ketua Menteri sekarang yang akan tamat pada Mac tahun ini, akan dilanjutkan bagi membolehkan beliau terus menerajui negeri ini sehingga pilihan raya negeri Sabah akan datang, yang akan diadakan bila-bila masa dari sekarang hingga April tahun depan.

Malahan, desas-desus seumpama itu telah timbul seawal pertengahan tahun lepas.

Beberapa pemerhati politik bagaimanapun berpendapat bahawa pelanjutan penggal Chong akan bergantung kepada betapa cepatnya pilihan raya negeri akan datang akan diadakan.

"Sekiranya lebih cepat, ada kemungkinan bagi pelanjutan itu," kata seorang pemerhati.

Chong sendiri telah bersedia bagi peralihan kuasa.

"Saya sedar terdapat ramai orang yang mahu saya terus menerajui negeri ini. Saya ucapkan terima kasih kepada keyakinan dan kepercayaan mereka kepada saya," kata Chong.

Presiden Parti Demokratik Liberal (LDP) itu bagaimanapun berkata: "Semasa saya mula memegang jawatan ini, saya telah membuat komitmen bahawa saya tidak akan berada satu minit lebih lama sebaik sahaja penggal saya habis. Pada 27 Mac ini, saya akan melepaskan jawatan saya dan mengundurkan diri untuk memberi laluan kepada pengganti saya."

Pada Mac, jawapan kepada kebanyakan persoalan itu akan diketahui.

Buat masa ini, sistem penggiliran akan terus menjadi tajuk perbualan.

-- BERNAMA

JS JS RHM